

06/01/2001

Hamid Othman letak jawatan

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman hari ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi membolehkannya menumpukan kerja Fardu Kifayah.

Surat peletakan jawatannya diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum Perdana Menteri berlepas untuk lawatan kerja ke Myanmar, kelmarin.

Bagaimanapun, beliau mengekalkan jawatan sebagai Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kedah dan Ketua Umno Bahagian Sik.

Beliau berkata, pengunduran daripada Kabinet akan membolehkannya memberi tumpuan kepada usaha mengatasi aliran pemikiran umat Islam pada masa kini yang boleh merosakkan dan membantutkan pembangunan.

"Saya mengambil keputusan ini dengan rela hati setelah berunding dengan pucuk pimpinan dan berfikir panjang mengenai politik negara, terutama di kalangan umat Islam," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya petang ini.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan Ahli MT Umno yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Datuk Dr Yusof Noor.

Dr Abdul Hamid dilantik senator untuk membolehkannya menganggotai semula Kabinet selepas tewas pada pilihan raya umum 29 November 1999.

Dalam pilihan raya itu, beliau gagal mempertahankan kerusi Parlimen Sik selepas ditewaskan oleh calon Pas, Prof Datuk Shahnnon Ahmad. Dr Abdul Hamid memperoleh 13,026 undi manakala Shahnnon mendapat 13,504 undi.

Semalam Dr Abdul Hamid membayangkan kepada ahli jawatankuasa Umno Sik yang diketuainya bahawa beliau antara menteri yang akan terbabit dalam rombakan Kabinet tidak lama lagi.

Dr Abdul Hamid berkata, tugasnya selama ini ialah mentadbir hal ehwal Islam di peringkat Pusat yang terbahagi kepada dua komponen utama, iaitu pembangunan pentadbiran dan pengurusan serta penyebaran agama Islam yang tumpuannya kepada Fardu Ain.

Komponen kedua ialah tanggungjawab terhadap kekuatan dan keutuhan umat Islam di negara ini ataupun Fardu Kifayah.

"Komponen pertama difahami dan dihayati oleh umat Islam dengan cara yang cukup sehati. Tetapi komponen kedua tidak difahami sepenuhnya, malah jauh sekali untuk dihayati.

"Malah, kurangnya fahaman umat Islam mengenai Fardu Kifayah menyebabkan banyak kerja pembangunan kerajaan dan pucuk pimpinan tidak diterima dan diiktiraf sebagai kerja ibadah.

"Inilah yang perlu diperbetulkan. Urusan pentadbiran dan pengurusan perlu diasingkan daripada hal ehwal membetulkan aliran pemikiran rakyat. Sebab itu saya rasa kita perlu dua orang untuk melaksanakan tugas-tugas ini," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan kekal sebagai penasihat kerajaan, terutama dalam pengurusan Fardu Kifayah itu, beliau berkata ia terpulang kepada Perdana Menteri.

"Bidang tugas itu telah ada, cuma dalam kapasiti apa, itu belum dipastikan lagi," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, aliran pemikiran umat Islam negara ini sekarang amat berbahaya kepada keutuhan Melayu, terutama dari segi politik. Aliran

dan pemikiran seperti itulah menjadi faktor utama keruntuhan empayar Islam Othmaniah di Turki dan empayar Islam di Sepanyol.

"Saya berpendapat perjuangan kita yang sangat mendesak sekarang ialah membetulkan arus ini yang menjadi isu politik negara terbesar dan mesti ditangani secara khusus dan bersungguh-sungguh.

"Saya terpanggil untuk berkecimpung dalam hal ini dengan penuh dedikasi dan berasa seruan untuk berkorban sudah tiba bagi keutuhan kita," katanya.

(END)